

KHUTBAH JUMAAT

'MUSNAHKAN PLURALISME DAN LIBERALISME' (28 Januari 2022M/ 25 Jamadilakhir 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita berjaya di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **'Musnahkan Pluralisme Dan Liberalisme'**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Liberalisme atau kadang-kadang disebut juga dengan Islam Liberal merujuk kepada suatu fahaman yang menyeru kepada **pemahaman dan pengamalan agama secara bebas tanpa terikat dengan pemahaman para ulama Islam terdahulu**. Manakala **Pluralisme** pula adalah fahaman yang berpegang kepada prinsip bahawa agama yang benar tidak hanya eksklusif

kepada agama Islam sahaja. Pendokong Pluralisme berpegang kepada pendirian bahawa **semua agama adalah benar dan boleh membawa penganutnya ke syurga serta selamat dari neraka.**

Sesungguhnya, kedua-dua fahaman ini **bertentangan** dengan ajaran Islam. Al-Quran dengan tegas menetapkan bahawa **hanya Islam agama yang benar**, manakala kepercayaan lain adalah tertolak di sisi Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Aali-Imran, ayat 19:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ...

Maksudnya: *Sesungguhnya ugama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam ...*

Implikasinya, mereka yang menganut agama lain tidak diterima oleh Allah *subhanahu wata'ala* dan mereka di akhirat kelak adalah golongan yang rugi. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Aali-Imran, ayat 85 :

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Maksudnya: *Dan sesiapa yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.*

Ini menafikan dakwaan doktrin pluralisme agama yang mengatakan bahawa tiada agama memiliki kebenaran mutlak. Nas syarak jelas

menunjukkan hanya Islam agama yang benar dan diterima Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Liberalisme dan Pluralisme bukan sekadar ideologi dan teori yang bersifat intelektual semata-mata, malahan mampu mendatangkan bekas dan kesan buruk terhadap tingkah laku para penganutnya. Kedua-duanya adalah ibarat wabak yang menyerang saraf iman sehingga melumpuhkan keyakinan akidah seseorang Muslim. Sekurang-kurangnya terdapat empat kesan buruk yang sangat berbahaya terhadap akidah muslim, iaitu:

Pertama: Menghalalkan yang haram

Para pendukung Liberalisme tidak segan silu menghalalkan perkara yang diharamkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam al-Qur'an. Mereka secara terang-terangan menegaskan bahawa perlakuan homoseksual adalah normal kerana naluri tersebut adalah datang daripada Tuhan. Mereka dengan beraninya menyatakan bahawa pengharaman homoseksual oleh para ulama adalah berdasarkan penafsiran yang sempit dan jumud.

Justeru, seandainya perlakuan homoseksual yang merupakan sekeji-keji kemungkaran dalam Islam dan juga dalam peradaban manusia normal itu dihalalkan, apakah lagi perkara-perkara haram lain yang juga bakal diperakukan halal oleh pendukung Liberalisme?

Kedua: Normalisasi hukum murtad

Apabila pendukung Pluralisme yang berpegang kepada tanggapan bahawa kebenaran tidak hanya eksklusif kepada agama Islam sahaja, maka sudah pastinya isu murtad dalam kalangan umat Islam tidak lagi dianggap serius. Umat Islam boleh sahaja diberikan hak untuk mencuba agama-agama lain dengan berpandukan kepada kebebasan memilih. Pendukung Liberalisme secara beraninya menyandarkan dakwaan ini kepada nas al-Qur'an yang ditafsirkan menurut selera mereka iaitu firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 256:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ...

Maksudnya: *Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) ...*

Mereka mendakwa kononnya Islam tidak memaksa penganutnya untuk kekal dalam agama Islam. Padahal keseluruhan ahli tafsir menegaskan bahawa ayat ini hanya terpakai kepada golongan bukan Islam sahaja.

Ketiga: Usaha dakwah bakal sia-sia

Usaha dakwah juga sudah tidak relevan jika Pluralisme ini tertanam dalam minda umat Islam. Apakah kewajaran untuk seseorang penganut agama lain menganut agama Islam seandainya agama yang mereka anuti juga adalah benar dan mampu menjamin keselamatannya di akhirat kelak? Apa gunanya Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* menghantar surat-surat kepada pembesar Rom yang beragama Nasrani dan pembesar Parsi yang

beragama Majusi kalau tidak kerana mengajak kepada kebenaran agama Islam? Seandainya kebenaran dan jaminan keselamatan di akhirat juga terdapat dalam agama-agama lain, sudah pastinya para sahabat baginda tidak bersusah payah meninggalkan Makkah dan Madinah yang penuh berkat, demi semata-mata memastikan cahaya Islam bersinar ke seluruh pelusuk alam.

Keempat: Meremehkan ijthihad ulama silam

Sekian lama tokoh-tokoh empat mazhab yang unggul, Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam al-Syafi'e dan Imam Ahmad *rahimahumullah* menempati kedudukan yang istimewa di hati umat Islam, khususnya golongan cendekiawan dan intelektual.

Pandangan-pandangan dan hasil ijthihad mereka disantuni dengan penuh sopan sekalipun tidak dianggap maksum. Namun, sikap sebegini tidak wujud sama sekali dalam minda penganut Liberalisme. Walaupun tidak dianggap seumpama kain buruk, pandangan para ulama silam tidak lebih seumpama warisan sejarah yang hanya layak ditempatkan di muzium untuk kenang-kenangan sahaja.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bahaya Liberalisme dan Pluralisme tidak boleh dipandang ringan Oleh sebab itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 74 pada 25 – 27 Julai 2006 telah memutuskan bahawa gerakan pemikiran liberal yang mengandungi fahaman-fahaman menyeleweng termasuk konsep Pluralisme sebagai salah satu doktrin yang sesat

dan menyeleweng daripada syariat Islam. Oleh sebab itu, mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman Liberalisme dan Pluralisme agama hendaklah segera bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Bagi mendepani cabaran ini, ilmu pengetahuan yang diperkuatkan dengan benteng akidah adalah amat diperlukan. Justeru, umat Islam wajib mendalami ilmu berkaitan asas-asas agama atau fardhu ain, ditambah dengan ilmu yang memperkenalkan syubhah-syubhah iaitu kekeliruan-kekeliruan yang dikemukakan oleh musuh-musuh Islam. Maka, dengan kelengkapan ilmu ini, masyarakat Islam tidak akan mudah dimomokkan dengan ideologi-ideologi sesat yang boleh menghakis keimanan dan merosakkan akidah.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran untuk dijadikan pedoman hidup kita, antaranya:

Pertama : Umat Islam hendaklah meyakini bahawa hanya Islam sahaja agama yang benar dan diredai oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua : Umat Islam hendaklah menolak fahaman Liberalisme dan Plularisme yang telah difatwakan sesat dan menyeleweng daripada agama Islam.

Ketiga : Umat Islam hendaklah berpegang teguh dengan agama Islam dan mengamalkan segala ajarannya.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 208:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السَّلَامِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; Sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama kita terus melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya dan mematuhi garis panduan serta Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan penularan wabak COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segera wabak ini daripada kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا

مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini seperti banjir besar, persengketaan,

kemiskinan, kebuluran dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.